

50 murid sertai Program Penerapan 'Gamifikasi'

.....
CAROLYNE UTIH

TATAU: Sekitar 50 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kelawit Tatau menyertai Program Penerapan 'Gamifikasi' yang dilaksanakan di sekolah berkenaan di sini, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan bersama Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dan SK Annau yang membabitkan sesi perkongsian ilmu berkenaan subjek Sains bagi meningkatkan kefahaman kemahiran berkonsepkan sains melalui permainan dalam kalangan murid sekolah pedalaman Sarawak.

Pengarah program, Parin Linting berkata, sesi perkongsian ilmu itu merupakan lanjutan daripada Program Penerapan 'Gamifikasi' dan makmal sejagat bagi subjek terbabit di SK Kuala Annau oleh penyelidik UPMKB.

"Program khidmat masyarakat ini merupakan sebahagian inisiatif UPM untuk merapatkan jurang antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan komuniti melalui Skim Geran Pemindahan Ilmu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, guru sains dari SK Kuala Annau telah mendapat pendedahan kaedah 'Gamifikasi' berkongsi ilmu dengan para guru dan murid di SK Kelawit semasa program itu.

Sementara itu, Guru Besar SK Kelawit, Bala Laja berkata, kesudian para guru sains SK Kuala Annau berkongsi ilmu dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ini amat dihargai.

Beliau berharap, perkongsian itu dapat mencetus minat murid-murid untuk mendalami subjek sains.

Menurutnya, antara pengisian program adalah eksperimen



UNTUK ALBUM... Guru dan murid bergambar bersama pada Program Penerapan 'Gamifikasi' di SK Kelawit Tatau, baru-baru ini.

sains seperti mengukur pH tanah (menguji tahap asid yang terkandung dalam tanah), pembinaan set penapisan air, kuiz sains dan aktiviti pembinaan jambatan lidi.

"Pelaksanaan program seperti

ini secara tidak langsung mendukung hasrat kerajaan untuk memperkaya Sains dan Teknologi dalam kalangan generasi muda terutamanya murid di kawasan pedalaman.

"Dengan menjadikan proses

pembelajaran lebih menyeronokkan, 'Gamifikasi' dapat memperkasa murid luar bandar untuk menerima sains sebagai alat untuk memahami dunia sekeliling mereka dan mencipta masa depan yang lebih baik.